



- **Program Fun Learning : Larian Amal@X-tra Ordinary Run**

Satu aktiviti *fun learning* telah diadakan dengan kerjasama antara PUTM di bawah kendalian Bahagian Perkhidmatan Maklumat dan Sirkulasi, PRZS bersama Persatuan Sindrom Down Johor, sempena Hari Sindrom Down Sedunia, *JB Wake Up! & Car Free Day Programme* bertempat di hadapan Majlis Bandaraya Johor Bahru, Johor (MBJB). Program Khidmat Masyarakat ini telah melibatkan sebahagian staf PUTM daripada pelbagai Bahagian untuk menjayakan aktiviti mewarna bersama anak-anak sindrom down. Pihak PUTM berperanan membantu persediaan keperluan mewarna, hadiah kepada pemenang dan *goody bags* kepada anak-anak sindrom down.

Sebahagian staf PUTM juga turut mengambil bahagian di dalam aktiviti Larian Amal@X-tra Ordinary Run sejauh 5 km mengelilingi bandaraya Johor Bahru, di mana sesi *flag-off* telah diadakan di pentas utama berhadapan MBJB, sebagai sokongan kepada Persatuan Sindrom Down Negeri Johor. Antara staf BPSK yang terlibat dengan aktiviti ini adalah Pn. Haslina Hussin, En. Saiful Bahri Abd. Rahman dan Pn. Muzanni Subakhir sebagai Ahli Jawatankuasa Persiapan *Goody Bags*, Cik Salina Shamsuri sebagai Ahli Jawatankuasa Pertandingan Mewarna & Kraf, serta Pn. Nordiana Mohsin sebagai peserta Larian Amal. Pihak BPSK berharap di masa akan datang, akan ada lebih banyak lagi program khidmat masyarakat yang mengalakkan keterlibatan staf di Bahagian ini sebagai tanda sokongan kepada usaha meraikan kepelbagaian aktiviti keceriaan serta kesedaran kepada golongan yang memerlukan.